

Tips menulis karangan jenis pendapat / perbincangan.

1. Jika terdapat soalan berbentuk seperti ini :
Berikan pendapat anda berkaitan dengan isu kebaikan dan keburukan media sosial dalam karangan murid.
2. Untuk soalan diatas, murid hendaklah memberikan **tiga isi kebaikan** dan **dua isi keburukan** atau sebaliknya.
3. Jika soalan **Sejauh manakah anda bersetuju ...** bermakna **murid mesti memilih satu sudut bersetuju sahaja.**
4. Ungkapan yang biasa digunakan semasa menulis karangan pendapat ialah :
(a) Bincangkan (b) Kemukakan hujah (c) Berikan pendapat
(d) Berikan pandangan (e) Sejauh manakah anda bersetuju
5. Sertakan **ayat-ayat gramatis** seperti :


Pendapat tokoh : *Tun Mahathir pernah berkata Melayu Mudah Lupa*

Peribahasa : *Bagai air dicincang tidak akan putus*

Kata-kata hikmah : *Hendak seribu daya, tak hendak seribu dalih, dan sebagainya*



Tips menulis karangan jenis pendapat / perbincangan.



- A. Mari kita lakukan aktiviti membuat Karangan Jenis Pendapat.
Baca arahan dan petikan di bawah ,

Gejala buli yang berlaku di sekolah menyebabkan sekolah
bagaikan tempat yang tidak selamat untuk menimba ilmu.
Berikan pendapat anda untuk membendung gejala ini
daripada terus menular.

Tulis karangan anda di bawah di mulakan dengan penanda
wacana untuk pendahuluan anda.

Tips menulis karangan jenis pendapat / perbincangan.

B. Isi- isi penting. Fahamkan dan baca.

Diri - Fokuskan matlamat ke sekolah untuk menimba ilmu.

Keluarga - Ibu bapa memantau aktiviti anak-anak dan mengenali rakan-rakan mereka

Masyarakat - Menegur salah laku remaja yang mencurigakan.

Sekolah - Menkuatkuasakan undang-undang dan disiplin yang ketat

Kerajaan - Mengadakan program-program motivasi, menapis filem yang berunsurkan keganasan dan kuatkuasakan undang-undang juvana yang lebih tegas.

Penutup (Kesimpulan)

Sila tulis kesimpulan bagi topik asal tadi iaitu, Pendapat untuk membendung gejala ini daripada terus menular.

Sila bina ayat karangan untuk kesimpulan yang telah diberikan ini

Gejala buli mesti dibanteras dari semua pihak - melahirkan generasi muda yang mampu bersaing

- mengharumkan negara, bangsa dan agama - di persada dunia.